



**Dekan-Dekan Fakulti Gugusan Sains Sosial**

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-Undang

**Dekan-Dekan Fakulti Gugusan Sains dan Teknologi**

- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan

**Dekan-Dekan/Pengarah Fakulti Gugusan Perubatan, Sains Bersekutu dan HUKM**

- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu
- Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia
- Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (**UMBI**)

**Pusat / Institut**

- Pusat Perhubungan Awam & Antarabangsa (**PUSPA**)
- Pusat Pembangunan Akademik (**PPA**)
- Pusat Pengajian Umum (**PPU**)
- Pusat Pengajian Siswazah (**PPS**)
- Pusat Perhubungan Alumni
- Pusat Komputer
- Institut Sains Angkasa (**ANGKASA**)
- Institut Kajian Oksidental (**IKON**)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (**IMEN**)
- Institut Alam dan Tamadun Melayu (**ATMA**)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (**IKMAS**)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (**LESTARI**)
- Institut Biologi Sistem (**INBIOSIS**)

Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, 43600 UKM Bangi Selangor D.E  
Tel: 03 89215150, 03 89215326 Faks: 03 89252882 Laman Web: [www.ukm.my](http://www.ukm.my)



- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (**SERI**)
- Institut Teknologi Sel Bahan Api

YBhg. Prof. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**Iklan Lantikan Timbalan Naib Canselor (Pindaan)**

Dengan hormatnya sukacita saya merujuk iklan seperti tersebut di atas yang telah diedarkan melalui surat pejabat ini UKM(S) 3.6/238/5/4 bertarikh 29 Mac 2007 dan paparan e-warga bertarikh 2 April 2007 berhubung dengan syarat kelayakan dan pengalaman.

2. Adalah dimaklumkan bahawa syarat kelayakan dan pengalaman diiklan asal yang mencatatkan;

**“Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Gred Khas ‘C’ (berjawatan tetap)”**

dipinda kepada:

**“Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Gred Khas ‘C’ (berjawatan tetap atau kontrak)”**

Syarat-syarat lain dalam iklan berkenan adalah tidak berubah.

3. YBhg. Prof. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta mengambil perhatian dan makluman mengenai pindaan ini.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

AB. AZIZ OTHMAN  
, Pendaftar

- s.k. - YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor
- YBhg. Prof. Dato' Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni)
  - YBhg. Prof. Dato' Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
  - YBhg. Prof. Datuk Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, 43600 UKM Bangi Selangor D.E  
Tel: 03 89215150, 03 89215326 Faks: 03 89252882 Laman Web: [www.ukm.my](http://www.ukm.my)



MS ISO 9001 REG. NO. AR 2759



## UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan Akademik Universiti ini untuk menyandang jawatan berikut:

1. Jawatan : **TIMBALAN NAIB CANSELOR (VU6)  
(HAL-EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGSA)**
2. Tangga Gaji : 

1 6571.40	2 7200.60	3 7624.10	4 7926.60	5 8229.10
--------------	--------------	--------------	--------------	--------------
3. Bentuk Lantikan : Tukar Sementara
4. Kelayakan dan Pengalaman : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Gred Khas C (berjawatan tetap atau kontrak)  
: Disahkan Dalam Perkhidmatan
5. Tempoh Perkhidmatan : 3 tahun
6. Kriteria Lantikan :
  - a. seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan dihormati.
  - b. mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
  - c. seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya.
  - d. mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
  - e. berkeupayaan mengenal pasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah.
  - f. mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.
  - g. Penentuan kebolehan dalam kriteria ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan oleh Pengurus Lembaga Pengarah Universiti.

7. Cara Memohon :
1. **Calon Individu:** Pemohon dikehendaki mengisi Borang Keterampilan Khusus (*Summary of Specified Competences*) seperti di **LAMPIRAN A dan menyertakan sekali** Biodata calon mengikut format seperti di **LAMPIRAN B**.
  2. Pencalonan Fakulti:  
Fakulti mengemukakan keputusan Mesyuarat Fakulti bersama Borang Keterampilan Khusus dan Latar Diri (c.v) seperti perkara 7 (1).
  3. Pencalonan Naib Canselor diminta mengisi borang Keterampilan Khusus dan Latar Diri (c.v) seperti perkara 7 (1)  
Kesemua maklumat pencalonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia **tidak lewat dari 30 April 2007**.